

Buletin ACIS

eISSN: 2600-8289

Sya'ban / Ramadan 1441 — April 2020

BIL: 21 / 2020



Puasa dan Wanita

PUISI:
**Manusia Ciptaan
Maha Hebat**

Sah Ke
**Solat Saya Ni ?
(Siri 2)**

**Penjagaan
Paliatif**

**Pahala Trading:
Gerobok Rezeki**

Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin
(Rektor)

Penasihat:

Hisam Satari
(Ketua Pusat Pengajian Acis)

Editor:

Mu'allim Bin Mohd Bakri

Sidang Pengarang:

Nadiah Hj. Mohd Zin
Husnul Rita Aris
Abdul Mukti Bin Baharudin
Hajah Makiah Tussaripah Binti Jamil
Hasimah Chik
Nur Syazwani Halim
Nuruladilah Mohamed

PENERBIT

UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1,
70300 Seremban 3,
Negeri Sembilan, Malaysia

Jika berminat untuk
menghantar sebarang artikel
atau komen, boleh email ke
buletin.acis.n9@gmail.com
muallim@uitm.edu.my

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada pembaca budiman sekalian. Alhamdulillah, Buletin ACIS siri keduapuluh enam atau siri keduapuluh satu yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Tajuk Fokus bulan ini adalah "**Puasa dan Wanita**". Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga, buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

Isi Kandungan

- ⇒ Puasa dan Wanita (3)
- ⇒ Puisi: Manusia Ciptaan Maha Hebat (7)
- ⇒ Sah Ke Solat Saya Ni (Siri 2) (8)
- ⇒ Penjagaan Paliatif (14)
- ⇒ Pahala Trading: Gerobok Rezeki(18)

HAKCIPTA TERPELIHARA
Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan
sebulan sekali

Puasa Dan Wanita

Oleh : Nadiah Hj. Mohd Zin
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)



Pendahuluan

Wanita merupakan satu golongan yang sangat menjaga soal ibadah puasa mereka, malah ketika di dalam keadaan uzur syarie atau haid pun mereka sanggup memilih untuk berlapar. Secara lazimnya, wanita ini telah pun dilatih serta dibiasakan oleh ibu bapa mereka berkaitan puasa sejak mereka kecil lagi.

Namun para wanita, sudahkah kita menilai adakah puasa kita jauh lebih baik daripada puasa sebelumnya? atau setara? atau lebih merudum? atau adakah kita masih lagi menghayati nikmat berpuasa yang diterapkan oleh ibu bapa kita semasa kita masih kanak-kanak dahulu? Harusnya perubahan kemajuan seseorang itu haruslah diukur dari tahun ke tahun, maka kita nilai puasa atau perkara lain yang kita

laksanakan adakah lebih baik daripada tahun sebelumnya.

Jadi, menjelangnya ramadhan tahun ini, kita menilai semula ibadah puasa kita, semoga apa yang akan kita laksanakan akan nanti lebih baik dari yang sebelumnya.

Puasa dan Wanita

Asas fiqh wanita dan lelaki tidaklah terlalu berbeza, ini kerana Allah SWT memberikan keistimewaan dan sedikit kelainan khusus kepada wanita. Dimana mereka diberikan "waktu berehat" dari melakukan ibadah seperti puasa, solat dan lain-lain lagi. Hal ini kerana sifat wanita itu sendiri yang dicipta oleh Allah SWT, lemah dan tidak mampu untuk melaksanakan tanggungjawab pada ketika itu. Sayangnya, kebanyakan dari kita mengambil kesempatan atas nikmat

yang diberikan itu.

Secara fitrahnya, wanita itu akan didatangi haid, nifas dan wiladah. Sebahagian daripada kita pula, juga diuji dengan darah istihadah. Perkara-perkara ini tidak akan terkecuali walaupun dalam bulan ramadhan. Kita perlu tahu berapa hari yang wajib ditinggalkan puasa dan berapa hari yang wajib diganti puasa. Perlukah kita yang menyusu anak atau sedang mengandung meneruskan puasa mereka? Macam mana pula jika kita tak sempat untuk menggantikan puasa tahun lalu? Berbagai-bagai persoalan yang akan timbul di dalam benak kita yang perlu kita ketahui.

Wanita juga perlu sensitif dan ambil tahu dengan perkara-perkara ini bagi memastikan pelaksanaan ibadah puasa itu dijalankan mengikut syara'. Kita juga perlu tahu walaupun kita tidak melaksanakan ibadah tersebut, kita masih lagi beroleh pahala dengan melaksanakan amalan yang lain antaranya menyusu anak, memasak untuk bersahur dan berbuka puasa serta lain-lain lagi.

Puasa Atas Keizinan Suami

Puasa pada bulan ramadhan adalah hak Allah SWT dan berpuasa pada ketika itu adalah tuntutan yang wajib dilaksanakan bagi seorang wanita yang bebas dari haid atau nifas walaupun suaminya tidak mengizinkannya. Hal ini kerana tidak wajib bagi kita untuk mengikuti arahan atau perintah suami yang bertentangan dengan arahan Allah SWT. Di mana rasulullah SAW bersabda ; "Tidak ada ketaatan sama sekali kepada makhluk dalam kemaksiatan terhadap Allah SWT"

(Riwayat Imam Ahmad)

Dalam konteks makhluk bagi hadis di atas adalah suami. Berlainan pula, jika seseorang wanita itu hendak berpuasa sunat. Maka wajib atas kita untuk meminta izin dari suami, kerana keizinan suami itu merupakan satu syarat bagi isteri yang ingin berpuasa sunat. Walaupun begitu, kita masih lagi boleh berpuasa sunat tanpa keizinan suami, seandai pada ketika itu suami sedang sakit atau tiada dirumah kerana bermusafir. Rasulullah SAW juga mengingatkan kita dalam sabdanya,

" Tidak diharuskan bagi wanita berpuasa sedangkan suaminya berada dirumah melainkan dengan izin suaminya. Dan janganlah kamu mengizinkan seseorang masuk ke dalam rumahnya melainkan dengan izinnya (suami)" (Riwayat Al - Bukhari)

Wanita dan Anak

Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri juga sudah menjelaskan bahawa, perempuan hamil dan menyusukan anak dibolehkan berbuka puasa dalam dua keadaan saja iaitu yang pertama, kalau semata-mata kerana bimbang diri sendiri, bolehlah kita berbuka dan qada sahaja dan yang kedua, kalau kasihankan janin dan juga anak yang disusukan, maka bolehlah kita berbuka

dan membayar fidyah.

Wanita yang sedang hamil atau sedang menyusukan anak, diberikan kepada mereka keringanan untuk berbuka jika tidak berdaya untuk meneruskan puasa terebut. Dalam hal ini, kita berbuka puasa bukanlah di atas kehendak diri tetapi kerana ditakuti akan mendatangkan

mudharat ke atas diri kita atau pada janin yang dikandung atau pada anak yang disusui. Walaubagaimanapun, kita wajib menggantikan semula puasa yang kita tinggalkan itu.

Tetapi seandainya, kita meninggalkan puasa kerana bimbang janin atau anak kita tidak mendapat makanan atau susu yang cukup, maka kita perlu membayar fidyah untuk hari-hari yang kita tinggalkan.

Merasa Makanan

Hukum merasa makanan ketika dalam bulan puasa adalah makruh. Walaupun begitu, merasa makanan adalah dibolehkan dengan dikecap dihujung lidahnya dan tidak membatalkan puasanya mengikut pendapat yang terpilih. Situasinya adalah seperti tukang masak atau surirumah yang sedang memasak di dapur. Ibn Abbas R. Anhuma berkata: "Tidak mengapa seseorang yang sedang berpuasa mencicipi cuka atau sesuatu, selama tidak masuk sampai ke kerongkong."

Ini hendaklah dalam kuantiti yang sedikit. Namun, tidak boleh menelannya kerana jika ditelan masuk bersama air liur, batallah puasanya dan wajib menggantikannya.

Berkumpul dan Berbual

Wanita memang popular dengan aktiviti berkumpul dan berbual-bual kosong. Walaupun aktiviti ini nampak bagus dari satu bahagian dari segi ukhwahnya, kadang-kadang dibimbangi ia mampu mengarah kepada perbuatan mengumpat, mengata, berkata kotor dan juga berbohong. Harus diketahui bulan ramadhan adalah bulan yang mendidik

jiwa agar menjadi lebih bertakwa. Oleh itu, sidat-sifat mazmumah (keji) hendaklah dihindari, manakala sifat-sifat mahmudah (terpuji) menjadi amalan. Ketika dalam bulan ramadhan inilah kita digalakkan untuk sentiasa memperbaikkan zikir, solat sunat, membaca al-quran serta menjauhi perkara-pekerja yang tidak baik. Perbuatan mengumpat bukan sahaja mengurangkan pahala berpuasa tetapi juga menyebabkan amalan tidak dinilai oleh Allah SWT.

Bercumbuan dan Bermesraan

Kata Saidatuna Ummul Mukminin A'isyah R.anha: "Adalah Rasulullah S.A.W itu mencium salah seorang dari isteri baginda dalam keadaan baginda sedang berpuasa".(Riwayat Muslim)

Di dalam riwayat yang lain, Saidatuna A'isyah R.anha mengatakan: "Adalah Rasulullah S.A.W itu mencium dalam keadaan berpuasa dan baginda juga bermesra-mesraan dalam keadaan berpuasa akan tetapi baginda yang paling memiliki anggotanya (menahan nafsu). (Riwayat Abu Daud)

Berdasarkan kedua-dua hadis yang sahih di atas, dapatlah kita ketahui bahwasanya baginda Rasulullah S.A.W juga mencium dan bermesraan dengan isteri baginda.

Hukumnya adalah makruh jika (bercumbuan dan bermesraan) bagi sesiapa yang kuat syahwatnya (teransang). Manakala tidak dimakruhkan bagi selainnya (yang mampu kawal nafsu) dan yang utamanya perbuatan ini hendaklah ditinggalkan. Sekiranya seseorang yang kuat nafsunya mencium dan tidak keluar air mani maka

puasanya tidak batal. Manakala sekiranya seseorang itu bermesra-mesraan dengan suami atau isterinya pada bahagian selain faraj lalu terkeluar maninya, ataupun dia bercumbuan dan keluar air mani maka batallah puasanya. Jika dia bersama (jima') dengan suaminya di siang hari bulan Ramadhan, maka kesan dari perbuatan tersebut adalah puasanya batal dan wajib qadha (ganti) ke atas keduanya dan bagi si suami ditambah lagi dengan kafarrah dengan tertib iaitu membebaskan seorang hamba atau berpuasa dua bulan berturut-turut atau memberi makan kepada 60 orang miskin.

Berpuasa Dalam Keadaan Junub

Daripada Aisyah dan Ummu Salamah R.Anhuma, bahawa Nabi SAW bersabda: "Adalah Rasulullah SAW pernah mendapati fajar telah terbit dan ketika itu beliau dalam keadaan junub setelah bercampur dengan isterinya. Kemudian beliau mandi dan berpuasa." (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Dan hadis Abdurrahman bertanya kepada Aisyah dan Ummu Salamah berkenaan dengan mandi junud selepas waktu fajar, maka Aisyah dan Ummu Salamah berkata: "Adalah Nabi SAW dalam keadaan berjunud disebabkan selain dari mimpi, kemudian baginda meneruskan puasanya." (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Sesiapa yang berjunub pada malam hari, kemudian dia berpuasa, maka puasanya sah, dan tidak ada qadha puasa ke atasnya. Inilah pendapat yang jumhur. Ini berdasarkan hadis Aisyah dan Ummu Salamah yang dinyatakan di atas.

Berdasarkan hadis di atas serta pandangan ulama, maka hukum mandi

junub selepas terbit fajar adalah harus di sisi mazhab Syafie dan jumhur ulama. Begitu juga hendaklah diteruskan berpuasa kerana ianya sama sekali tidak membatalkan puasa sepertimana yang dinaskan oleh para ulama dalam kitab-kitab mereka. Sebahagian dari umat Islam pada masa kini tidak mengetahui akan hukum ini lalu menganggap bahawa puasa mereka terbatal kerana tidak mandi junub selepas terbit fajar.

Rujukan

AL-KAFI # 592 : HUKUM MANDI JUNUB SELEPAS TERBIT FAJAR PADA BULAN RAMADAN

<https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/917-al-kafi-592-hukum-mandi-junub-selepas-terbit-fajar-pada-bulan-ramadan>

IRSYAD AL-FATWA KHAS RAMADHAN SIRI KE-140 : PUASA BAGI WANITA YANG KELUAR 'HAID' TERPUTUS-PUTUS TIDAK CUKUP SEHARI SEMALAM

<https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/edisi-ramadhan/3430-irsyad-al-fatwa-khas-ramadhan-siri-ke-139-puasa-wanita-yang-belum-mandi-wajib-akibat-haid-tetapi-sudah-berniat-puasa-sebulan-2>

IRSYAD AL-FATWA KHAS RAMADHAN SIRI KE-139 : PUASA WANITA YANG BELUM MANDI WAJIB AKIBAT HAID TETAPI SUDAH BERNIAT PUASA SEBULAN

<https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/edisi-ramadhan/3428-irsyad-al-fatwa-khas-ramadhan-siri-ke-139-puasa-wanita-yang-belum-mandi-wajib-akibat-haid-tetapi-sudah-berniat-puasa-sebulan>

Mesti tahu rukhsah ibu hamil, menyusukan anak

<https://www.hmetro.com.my/hati/2019/05/452457/mesti-tahu-rukhsah-ibu-hamil-menysusukan-anak>

HUKUM MERASA MAKANAN KETIKA BERPUASA

<https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/edisi-ramadhan/2019-hukum-merasa-makanan>

Akhlik orang yang berpuasa ialah jaga lidah dan mulut

<http://www.astroawani.com/ramadan/akhlik-orang-yang-berpuasa-ialah-jaga-lidah-dan-mulut-40050>

IRSYAD AL-FATWA KHAS RAMADHAN #77: HUKUM BERMESRAAN BERSAMA PASANGAN DI BULAN RAMADHAN

<https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-khas-ramadhan-cat/1053-irsyad-al-fatwa-khas-ramadhan-77-hukum-bermesraan-bersama-pasangan-di-bulan-ramadhan>

Manusia Ciptaan Maha Hebat

Puisi

Oleh : Husnul Rita Aris

(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)

Dilahirkan di Dunia dengan izin Allah
Berjanji di alam Roh untuk mengabdikan diri kepada Maha Pencipta
Tidak serupa dengan ciptaan manusia biasa
Tak mampu manusia melawan ciptaan Maha Agung
Ciptaan Allah juga yang Maha Hebat...

Manusia dikurniakan Roh, hati, Jasad , Pancaindera dan Akal
Tidak sempurna jasad tanpa roh
Hati menjadi raja pengurus jasad
Baik hatinya, maka baiklah seluruh jasadnya
Bak sabda Rasul junjungan mulia Pesuruh Allah

Akal dikurniakan sebagai pembeza daripada haiwan
Jikalau akal dipandu wahyu
Pasti manusia selamat di Dunia dan Akhirat
Jikalau akal diserahkan kepada nafsu semata-mata
Habis binasa mengikut hawanya

Pancaindera sempurna tanda kehebatan Allah mencipta manusia
Tak mampu manusia mencipta sesempurna Maha Pencipta Agung
Emosi, tabiat, perangai dan akhlak menjadi pengikat tubuh manusia
Semakin tunduk kepada Maha Pencipta
Hati tenang seperti al-Nafs al-Mutmainnah
Redha sabar dengan ujian
Yakin dengan janji Allah di Akhirat sana
Tanda beriman bahawa dunia sementara akan bergoncang musnah di hari
Kiamat


Sah ke Solat Saya Ni? (Siri 2)

Oleh : Abdul Mukti Bin Baharudin (Pensyarah Fakulti Pengajian Peradaban Islam (KUIS))
Hajah Makiah Tussariyah Binti Jamil (Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)



Solat umpsama ‘LESEN BESAR’ untuk melayakkan kita masuk syurga. Solat adalah amalan yang mula-mula sekali dihisab di hadapan Allah di hari akhirat kelak. Pada Siri I yang lalu (Keluaran Januari 2020), penulis telah menerangkan berkenaan maksud solat dan syarat yang mewajibkan seseorang itu menunaikan solat. Wajib bagi seseorang yang Islam, baligh, berakal, suci daripada haid dan nifas, sampai dakwah serta sejahtera pancaindera untuk menunaikan solat dalam keadaan dan situasi apa sekalipun. Namun sekadar mengetahui bahawa kewajipan solat itu tertanggung di atas bahu kita kerana telah cukup segala syarat wajib tadi tidak akan bermakna kecuali kita juga harus memahami dan mendalami bagaimana solat itu baru dikira sah dan diterima dari sudut syarak.

Terdapat 9 syarat bagi menjadikan solat seseorang itu sah dari sudut syarak:



SYARAT SAH SOLAT

Sebelum menunaikan solat, seseorang terlebih dahulu mestilah memastikan ia telah memenuhi syarat sah solat. Di antara syarat-syarat sah solat ialah:

i. **ISLAM**

- Tidak sah solat orang kafir.

ii. **MUMAYYIZ**

- Tidak sah solat orang yang tidak mumayyiz.

iii. **MENGETAHUI MASUK WAKTU DENGAN YAKIN ATAU ZHON**

- Sesiapa yang solat tanpa mengetahui masuk waktu dengan yakin atau zhon, sedangkan ia mampu untuk berbuat demikian, solatnya tidak sah, walaupun dia solat dalam waktunya.
- Sekiranya dia yakin masuk waktu solat, kemudian didapati dia solat sebelum masuk waktu, tidak sah solatnya.
- Zhon masuk waktu dengan secara ijтиhad seperti berwirdi, membaca al-Quran, menjahit, mendengar ayam berkокok, suara keldai yang sudah dicuba / dilatih dan sebagainya yang menandakan pada uruf (adat) masuk waktu solat.

iv. MENGHADAP KIBLAT YAKNI KAABAH

- Disyaratkan pula berbetulan dengan dada pada berdiri dan duduk dan dengan kebanyakkan badan pada rukuk dan sujud. Dikehendaki dengan dada itu adalah sekelian lintang badan iaitu daripada satu tepi bahu kepada tepi bahu yang sebelah lagi (Sabilal Muhtadin, 185).
- Disyaratkan pula berbetulan dengan dada pada berdiri dan duduk dan dengan kebanyakkan badan pada rukuk dan sujud.
- Dikecualikan daripada menghadap kiblat orang yang uzur, seperti sakit (yang tiada orang yang dapat menghadapkannya ke kiblat) atau terikat di pokok. Maka sah solatnya kerana tidak disyaratkan mengadap kiblat pada haknya. Tetapi wajib dia mengulang sembahyangnya itu kerana nadir (kadang-kadang) uzurnya (Sabilal Muhtadin, 185).
- Harus solat fardhu dan sunat tidak menghadap kiblat apabila menunaikan sembahyang kerana terlalu takut (syidatul khauf), seperti dalam perang yang diharuskan. Hendaklah ia solat setakat mana yang ia boleh dan tidak wajib qada' solat itu.
- Jika berlawanan di atas seseorang dua yang wajib, mengadap kiblat dan berdiri pada solat fardhu, wajib di atasnya mengadap kiblat serta solat duduk kerana wajib mengadap kiblat lebih muakkad daripada wajib berdiri kerana tidak gugur wajib mengadap kiblat pada solat sunat melainkan kerana uzur. Bersalah wajib berdiri maka ia gugur pada solat sunat dengan tidak ada uzur.
- Harus solat sunat tanpa menghadap kiblat dalam sesuatu perjalanan yang harus, walaupun dekat jarak perjalannya.
 - i. Jika berada dalam keadaan yang boleh menghadap kiblat bagi keseluruhan solat dan menyempurnakan segala rukunnya atau setengahnya hendaklah kekal dalam keadaan itu. Jika tidak boleh berkekalan menghadap ke kiblat pada keseluruhan solat, maka memadai menghadap ke kiblat ketika mengangkat takbiratul ihram. Jika tidak boleh, tidak perlulah menghadap kiblat.
 - ii. Tidak wajib ruku' dan sujud sampai mengenakan dahi ke atas umpama pelana (atau di atas kenderaan), tetapi memadai dibuat secara isyarat iaitu sujud itu lebih rendah daripada ruku'.
 - iii. Jika berjalan kaki, wajib menghadap kiblat ketika takbiratul ihram, ruku, sujud dan duduk di antara dua sujud, dan hendaklah menyempurnakan ruku' dan sujud. Jika di atas kenderaan, cukup hanya memberi isyarat. Tidak boleh berjalan dalam mana-mana rukun kecuali pada ketika qiam (berdiri), i'tidal, tasyahhud dan salam.
- Barang siapa solat dengan ijihad dirinya atau ijihad orang yang dia taklid kepadanya, kemudian maka dia atau orang yang dia taklid kepadanya yakin akan salah yang tertentu pada pihak atau pada kanan atau kiri, wajib dia mengulang solatnya (Sabilal Muhtadin, 191).

v. **MENUTUP AURAT**

- Dari segi istilah: Perkara yang wajib menutupnya di badan.
- Aurat dalam konteks solat ialah bahagian tubuh yang wajib ditutup ketika solat walaupun dalam keadaan bersendirian dan gelap.
- Syarat benda yang menjadi penutup aurat ialah jirim (benda) yang menegah daripada dilihat warna kulit. Tidak memadai penutup aurat itu kaca, kain yang jarang dan air yang jernih kerana ia tidak menegah daripada dilihat warna kulit (Sabilal Muhtadin, 182). Tetapi jika pakaian perempuan tersebut menutup warna kulit, tetapi menampakkan bentuk badan, maka hukum memakainya adalah makruh dan solatnya sah.
- Menutup aurat antara pusat dan lutut bagi lelaki. Manakala bagi perempuan, seluruh tubuh kecuali muka dan tapak tangan (zahir dan batinnya) hingga penggelangan tangan.
- Jika tidak mampu menutupnya disebabkan tiada memiliki apa-apa pakaian, atau ada pakaian tetapi terkena najis atau tidak dapat membasuhnya kerana ketiadaan air atau ditahan di tempat yang bernajis, dan ia hanya memiliki sehelai kain untuk menutup najis tersebut, maka dalam keadaan begitu hendaklah ia solat bertelanjang dengan menyempurnakan rukuk dan sujudnya tanpa wajib qada'.
- Pakaian yang dipakai hendaklah menutup semua sisi tubuh. Ia hendaklah menutup bahagian atas, hadapan, belakang, kiri dan kanan pemakainya. Tetapi tidak disyaratkan menutup bahagian bawah atau pada bukaan bawah seluar atau kain. Maka kalau dilihat auratnya dari tengkok bajunya (disebabkan kerana luasnya) ketika rukuk atau selainnya, maka dianggap terbuka auratnya.
- Sunat bagi seorang lelaki memakai sekurang-kurangnya dua helai kain ketika solat.
- Makruh solat dengan pakaian yang bergambar dan menutup muka, melainkan kepada perempuan yang solat pada tempat yang ada lelaki ajnabi yang memandangnya.

vi. **MENGETAHUI KAIFIAT (CARA) SOLAT**

- ilmu pengetahuan tentang cara solat mendahului amal perbuatannya.
- Dapat membezakan yang fardhu-fardhu di dalamnya daripada sunat-sunatnya.
- Jika dii'tiqadkan semuanya fardhu atau setengahnya fardhu dan setengahnya sunat, dan tidak membezakan yang fardhu dari yang sunat dan dia merupakan orang awam, (selagi tidak dii'tiqadkan yang fardhu itu sebagai sunat), sahlah solatnya.

- Bersalah jika dia seorang yang alim (terpelajar pada bab solat), maka tidak sah solatnya .

vii. SUCI DARI HADAS KECIL DAN BESAR

- Hadas dari segi bahasa: Suatu yang baharu.
- Hadas kecil: Sesuatu yang berlaku pada tubuh manusia yang menghalang sahnya solat.
- Hadas besar: Sesuatu yang berlaku pada tubuh manusia yang menghalang sahnya solat dan hanya dapat dihilangkan dengan mandi.
- Terjadi hadas kecil dengan salah satu dari sebab berikut; keluar sesuatu daripada kemaluan atau dubur dengan yakin – bagi orang hidup, tidur dengan posisi yang tidak tetap punggungnya, hilang akal, bersentuh kulit antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram (yang telah baligh) dan menyentuh kemaluan manusia sama ada lelaki atau perempuan dengan tapak tangan.
- Bagi orang yang sentiasa berhadas (daim al-hadas) seperti kencing dedas (salisu al-baul) istihadah atau keputihan, hendaklah dia mengambil wudhu setelah masuk waktu. Dan diniatkan dengan mengharuskan solat (istibahah al-solah).
- Enam perkara yang mewajibkan mandi: persetubuhan, keluar mani, mati, kedatangan haid, nifas dan melahirkan anak (wiladah).

viii. SUCI BADAN, PAKAIAN DAN TEMPAT SOLAT DARIPADA NAJIS YANG TIDAK DIMAAFKAN

- Suci badan – termasuklah dalaman mulut, hidung, mata dan telinga. Dalaman hidung dan telinga itu ialah yang zahir pada keduanya.
Pakaian dan pada tiap-tiap apa yang ditanggungnya (sapu tangan yang ada di dalam poket) dan yang berhubung dengan yang ditanggungnya pada badan (tali yang bersambung antara orang yang solat dan najis).
- Tempat solat - tempat yang dipijak oleh kedua-dua kaki, tempat untuk duduk, tempat untuk meletakkan dua lutut, dua tapak tangan dan dahi. Kawasan-kawasan ini hendaklah bersih dari najis.
- Demikian lagi tidak mengapa jika najis itu berhampiran dengan tempat sembahyang atau berbetulan dengan satu daripada badannya atau selainnya dengan tidak tersentuh di dalam rukuk atau sujud atau lainnya, sekalipun ia bergerak dengan geraknya. Akan tetapi makruh sembahyang berbetulan dengan najis jika ia hampir dengannya pada salah satu daripada pihaknya.
- Maka tidak sah solat orang yang berserta dengan najis pada salah satu daripada tiga di atas sekali pun dia jahil.

- Maka tidak sah solat orang yang berserta dengan najis pada salah satu daripada tiga di atas sekali pun dia jahil.
- Kalau seseorang itu solat dengan najis (badan, pakaian dan tempat) yang tidak dimaafkan, yang mana dia tidak ketahui atau yang diketahui, kemudian dia lupa dan mengerjakan solat, setelah itu dia ingat akan najis tersebut, maka wajib diulang solat tersebut. Wajib dia mengulangi semua solat yang dia yakini dilakukan bersama dengan najis tersebut.

ix. MENJAUHI DARIPADA PERKARA-PERKARA YANG MEMBATALKAN SOLAT

- Akan dibincangkan dalam babnya yang tersendiri. Tunggu kurasannya di siri akan datang. (ALAMAK..SOLAT SAYA DAH BATAL (SIRI III)



Penjagaan Paliatif

Oleh : Hasimah Chik

(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)



Definisi dan Elemen Penjagaan Paliatif

Penjagaan paliatif merupakan penjagaan kesihatan yang melibatkan keseluruhan elemen pada diri seorang individu, sama ada elemen fizikal, mental, psikologi, spiritual dan sosial. Islam agama yang sangat lengkap dari pelbagai aspek sama adalah melibatkan luaran manusia seperti penjagaan kesihatan, juga aspek dalaman manusia, iaitu penjagaan hati nurani. Aspek sosial juga Islam ambil perhatian dengan penekanan hubungan sesama manusia dan jugak hak-hak manusia. Penjagaan kesihatan dari semua aspek adalah suatu tujuan dalam kehidupan manusia yang mesti diambil berat.

Imam Al-Ghazali dalam kitabnya *Ihya*

Ulumuddin membahagikan manusia kepada dua aspek fizikal dan spiritual. Aspek fizikal adalah aspek lahiriah manusia, yang berfungsi untuk proses normal seorang manusia untuk meneruskan kehidupan. Manakala aspek dalaman atau spiritual, Imam Ghazali menyebutnya sebagai nafs dan membahagikannya kepada empat makna iaitu al-qalb, al-nafs, al-ruh dan al-aql. Islam amat mementingkan penjagaan kesihatan secara seimbang untuk kedua-kedua aspek ini bagi melahirkan mukmin yang kuat dalaman dan luarannya. Dalam artikel ini akan diulas semua elemen penjagaan paliatif dari sudut pandang Islam bermula dengan fizikal, spiritual dan sosial.

Penjagaan aspek fizikal adalah dari

pelbagai unsur, terutamanya aspek kebersihan. Islam menuntut umatnya untuk menjaga kebersihan kerana kebersihan sama ada kebersihan diri, pakaian, makanan, minuman, kehidupan, tempat tinggal dan juga sekitar merupakan punca kepada kesihatan fizikal. Kesihatan amat penting bagi memastikan kesempurnaan ibadah fardhu 'ain dan juga ibadah fardhu kifayah. Allah berfirman dalam al-Quran dalam Surah al-Baqarah ayat 222 yang bermaksud: *Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri.*

Aspek fizikal yang lain ialah pemakanan yang sihat, rehat yang mencukupi dan berusaha mendapatkan rawatan bagi kesakitan yang dialami. Menjaga kesihatan fizikal adalah satu tuntutan dalam Islam berdasarkan maqasid Syariah iaitu dalam aspek menjaga nyawa.

Manakala elemen kedua ialah spiritual, pengertian dan konsep spiritual dalam Islam yang disepakati oleh pengkaji-pengkaji seperti Mohamad Zafir, adalah kembali kepada satu pegangan asas. Keagamaan dan spiritual adalah suatu yang tidak dapat dipisahkan dari segi makna dan hakikat kerana semua penjelasan akan kembali kepada konsep akidah berTuhan-kan Allah yang Esa. Perbezaannya hanya terletak pada bagaimana dan sedalam mana seseorang itu memahami dan meletakkan peranannya dalam kehidupan terutamanya apabila ditimpa sebarang ujian seperti sakit yang kritikal. Spiritualiti merupakan keperluan bagi pesakit kerana ia boleh mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh pesakit dan juga mempengaruhi kesihatan seseorang. (Muhammad Rif'aat Razman & Salasiah Hanin Hamjah, 2015)

Elemen ketiga ialah elemen sosial. Setiap individu termasuk pesakit, pengamal perubatan dan orang sekeliling sama ada keluarga, kawan dan sukarelawan mempunyai peranan masing-masing dalam penjagaan paliatif. Penting untuk mereka mengetahui peranan yang mesti dilakukan pada setiap posisi dan keadaan pesakit. Terutamanya dalam aspek kesejahteraan spiritual seorang pesakit mestilah mendapat sokongan padu dari semua yang terlibat. Hal ini kerana dalam fasa yang kritikal, pesakit akan mempunyai masalah dalam membuat keputusan dan berfikir secara rasional. Begitu juga setiap individu yang terlibat juga saling memerlukan sokongan dan bantuan. (Gales, Resnikoff, & Sepulveda, 2007)



Fasa-fasa Penting dalam Penjagaan Paliatif

Pengingkaran (denial) ialah fasa. (Christina Faull & Richard Woof, 2002) Pada fasa ini merupakan fasa yang pesakit tidak mahu berinteraksi dengan sesiapa termasuk ahli keluarga dan rakan-rakan. Penerapan aspek spiritual pada fasa ini juga memakan masa untuk menerangkan kepada pesakit.

Pesakit mengambil masa untuk menerima hakikat keadaan dirinya yang ditimpa ujian kesakitan tersebut. Pada fasa ini, ahli keluarga pesakit adalah orang yang terdekat yang mesti menunjukkan sokongan penuh melalui komunikasi dan tindakan dalam menghadapi penyakit ini agar pesakit merasakan dia tidak sendiri menghadapinya.

Apabila ditimpa sebarang musibah, Islam mengajar agar umatnya bersabar dan bersangka baik dengan Yang Maha Menjadikan Sesuatu seperti penyakit kritikal. Kajian demi kajian bagi mencari jalan penyelesaian untuk mengawal sakit dari pelbagai aspek seperti aspek spiritual dan emosi, namun semua itu adalah bermula dari dalam diri individu tersebut bagaimana mahu mengambil pengajaran dan bertindak dengan situasi. Justeru didikan kerohanian dari aspek keagaaman amat penting bagi memastikan ada pegangan asas yang mengawal tindakan individu itu sendiri. Ahli keluarga dan orang terdekat juga sangat penting mempunyai ilmu dan pengetahuan berkait dengan kerohanian dan keagaaman bagi membantu pesakit menghadapi ujian ini.

Fasa kedua ialah pesakit akan sering marah (anger) dengan keadaan dirinya dan menunjukkan iri terhadap orang lain yang diberi nikmat kesihatan. Mereka akan sentiasa mengulang-ulang pertanyaan kenapa sakit itu terjadi kepadanya. Mereka rasa kekecewaan dengan sendiri dan mula menyalah diri sendiri dengan kesilapan-kesilapan lalu. Pada fasa ini juga menghadapi masalah untuk penekanan aspek spiritual. Pesakit tidak dapat menerima hakikat keadaan dirinya yang diambang kematian. Pada fasa ini ahli keluarga dan kenalan terdekat mestilah sentiasa bersama pesakit bagi membantu

meneutralkan kemarahan dan memposisifkan persoalan yang terluah oleh pesakit.

Kemarahan yang dihuraikan dalam Islam adalah suatu emosi yang berpunca dari jiwa yang tidak tenang. Manakala, perasaan iri dengan nasib orang lain pula adalah seolah-olah berperang dengan diri sendiri (Sharifah Basirah Syed Muhsin & Che Zarrina Sa'ari, 2015) dan seoalah-olah marah dengan apa yang Allah takdirkan kepada nya. Sikap-sikap seperti ini seolah-olah menyakitkan diri sendiri kerana apa yang berlaku tidak boleh diubah atau diubati dengan cara seperti itu. Sebaliknya Islam mengajar umatnya sabar (sabr) dan berharap (rajā') (Che Zarrina Sa'ari & Sharifah Basirah Syed Muhsin, 2012) dengan cara berusaha mencari penawar dan alternatif lain bagi mengawal penyakit tersebut.

Fasa seterusnya adalah fasa tawar menawar (bargaining) iaitu fasa pesakit lebih tenang. Pesakit akan cuba meminta agar penyakitnya disembuhkan dengan apa jua cara. Pesakit akan mula banyak berinteraksi pada fasa ini kerana mengharapkan sesuatu yang lebih baik seperti sembah sepenuhnya dari penyakit tersebut. Kebiasaan applikasi spiritual mudah untuk diterapkan ketika fasa tawar menawar ini. (Bloemhard, 2008) Pesakit lebih mudah mendengar dan menerima pandangan sekeliling sama ada dari doktor, keluarga dan lain-lain yang terdekat dengan pesakit. Jangka masa peralihan daripada fasa kedua kepada fasa ketiga adalah bergantung kepada semangat pesakit itu sendiri dan juga sokongan daripada orang sekeliling.

Kemurungan (depression) ialah fasa selepas pesakit cuba mengadakan tawar-menawar dengan orang lain, di mana pesakit menyedari bahawa penyakit yang

dialami adalah mempunyai harapan yang tipis. Pada fasa ini, pesakit akan mengalami kemurungan, kebimbangan, putus harap dan rasa berdosa. Kemurungan ini akan membawa pesakit itu kepada tekanan dan keresahan serta cenderung ke arah sesuatu yang negatif. (McDowell, 2006) Tindakbalas pesakit pada fasa ini sangat bergantung kepada penghayatan aspek spiritual pada fasa tawar-menawar. Hal ini kerana cubaan membunuh diri pernah dilakukan oleh pesakit yang tidak dapat menahan perasaan dan kesakitan pada fasa ini. (Mahajudin, 2008)

Pesakit mesti berusaha untuk mengawal kemurungan yang melanda dengan cara tersendiri kerana kesannya terhadap proses penyembuhan lebih efektif. (Chambers et al., 2015) Dalam masa yang sama memerlukan sokongan dan bantuan daripada ahli keluarga dan kawan-kawan yang paling rapat. Pengaplikasian konsep psikoterapi juga perlu pada fasa ini, iaitu mujahadah al-nafs (berusaha melawan) dengan sifat sabar dan riyadah al-nafs (latihan diri) dengan cara melatih diri memperbanyakkan amal kebaikan dan sifat yang positif. (Sharifah Basirah Syed Muhsin & Che Zarrina Sa'ari, 2013)

Penerimaan (acceptance) adalah fasa terakhir dalam peringkat menghampiri kematian. Pesakit telah melalui fasa-fasa sebelum ini dengan penuh emosi dan mencuba pelbagai cara dalam usaha untuk menerima hakikat kesakitan yang dialami. (Christina Faull & Richard Woof, 2002) Pesakit boleh menerima hakikat menjadikan pesakit lebih tenang. Ada pesakit yang tidak takut akan kematian itu berlaku, namun takut akan fasa kesakitan menghampiri kematian itu kerana proses yang lama dan menyakitkan. (McGrath,

2003) Dalam fasa terakhir ini, pesakit lebih mudah untuk diterapkan dengan aspek spiritual kerana mereka lebih mencari sesuatu yang lebih menenangkan mereka. Pada saat akhir, pesakit sendiri akan mula beralih fokus dan memerlukan perhatian dalam aspek spiritual. (Adrian Edwards, Pang, Shiu, & Chan, 2010)

Komaruddin Hidayat menyatakan bahawa saat yang paling sedih adalah apabila seseorang terpaksa mengorbankan apa yang disayanginya seperti ahli keluarga, iaitu pesakit sayang dan sedih apabila merasakan dia akan berpisah sedangkan mereka masih banyak ingin berbakti kepada ahli keluarga.

Kesimpulan

Usaha yang dilakukan mesti melibatkan pesakit, ahli keluarga, sukarelawan dan khususnya penglibatan oleh pakar-pakar yang diperlukan seperti pengamal perubatan, kaunselor, orang yang boleh membimbing aspek keagamaan dan lain-lain. Setiap dimensi dalam penjagaan sangat penting dan memerlukan kerjasama oleh individu dan kepakaran yang terlibat bagi mendapatkan impak yang positif kepada pesakit dalam usaha memberi kebahagian dan keselesaan kepada pesakit dan juga keluarga yang berdepan dengan penyakit kritikal. (Rome, Luminais, Bourgeois, & Blais, 2011) Murray dalam kajiannya menyatakan kepercayaan agama yang kuat akan memberi kesan positif terhadap kesihatan fizikal dan mental serta kualiti hidup. (Murray, Kendall, Boyd, Worth, & Benton, 2004)

Pahala Trading: Gerobok Rezeki

Oleh : Nur Syazwani Halim dan Nuruladilah Mohamed

(Pensyarah APB UiTM Caw. Terengganu, Kampus Dungun)



Gerobok Rezeki adalah satu inisiatif di mana para pelajar atau orang awam yang terputus bekalan makanan dan barang keperluan harian disebabkan kekangan kewangan dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan mengambil barang-barang keperluan asas yang diletakkan di dalam almari yang disediakan dengan percuma.

Dilihamkan daripada Projek Gerobok Humanity, Gerobok Rezeki ini ditempatkan di Pusat Hidayah, UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) Kampus Dungun bagi membantu meringankan beban golongan yang kurang berkemampuan termasuk pelajar.

Usahama Kindness Malaysia (Terengganu) dengan Biro Pembangunan Pelajar, Akademi Pengajian Bahasa UiTMCT ini membolehkan mana-mana individu atau mahasiswa tanpa mengira latar belakang untuk mengambil apa sahaja barang keperluan peribadi seperti makanan kering dan barang penjagaan peribadi secara percuma. Mereka hanya perlu menulis nama dan butiran yang diperlukan di dalam buku log yang telah disediakan.

Bantuan kecemasan ini dapat menggalakkan warga kampus untuk cakna pelajar serta golongan yang kurang berkemampuan dengan memberi bantuan kepada mereka dengan mudah dan cepat. Ini dapat memupuk nilai murni di kalangan warga UiTMCT, sekaligus dapat membudayakan semangat saling membantu dan membangunkan modal insan.

Bukan hanya sekadar memberi bantuan dan memberi kesedaran kepada umum, projek ini juga dapat menjana ekonomi setempat apabila barang keperluan asas untuk Gerobok Rezeki dibeli daripada peniaga runcit berdekatan bagi memastikan stok sumbangan sentiasa ada dan mencukupi.

Bermula dengan Kampus Dungun pada Jun 2019, Gerobok Rezeki ini akan diperluaskan ke Kampus Bukut Besi bagi membantu pelajar-pelajar yang kurang ber-nasib baik di sana pada tahun 2020 ini